

Headline	Pulau Pinang mahu ganti lampu jalan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	19
ArticleSize	88 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,493		



Pulau Pinang mahu ganti lampu jalan

GEORGE TOWN - Pulau Pinang akan menjadi negeri pertama di Malaysia yang mempunyai 100 peratus lampu jalan jenis Light Emitting Diode (LED) menjelang 2020.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa negeri, Jagdeep Singh Deo berkata, dalam usaha menunaikan manifesto Pilihan Raya Umum ke-14, kerajaan negeri sedang dalam proses menukar semua lampu jalan kepada LED.

Menurutnya, proses pertukaran itu bukan sahaja melibatkan lampu jalan yang diselenggara oleh pihak berkuasa tempatan tetapi juga termasuk lampu-lampu jalan yang diselenggara Tenaga Nasional Bhd.

"Lampu jalan jenis LED yang mampu mengurangkan kos bil sehingga 60 peratus," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Di Pulau Pinang, terdapat 33,198 tiang lampu jalan yang akan ditukar ke jenis LED menjelang 2020 manakala di Seberang Perai (57,655).